

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL.6/1999**

#### **DASAR PENGEKSPORTAN BAHAN BATUAN KELUAR DARIPADA NEGERI KELANTAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam menimbang Kertas MMK Bil.6/345/99 dalam persidangannya Kali Ke 6/99 pada 07hb. April 1999 telah bersetuju meluluskan Dasar Pengeksportan Bahan Batuan keluar daripada Negeri Kelantan.

2. Dasar tersebut adalah sebagaimana berikut :-

- 2.1. Batu kapur, batu granite dan batu marmor yang tidak diproses siap dikenakan sekatan pemindahan ke luar Negeri Kelantan dengan penguatkuasaan yang tegas dan sekatan tersebut perlu dicop pada setiap permit sebagai syarat tambahan pada permit.
  
- 2.2. Bahan-bahan batuan lain boleh dibenarkan untuk dipindahkan dari Negeri Kelantan ke Negeri-Negeri lain dengan syarat sebelum Pentadbir Tanah Jajahan mengeluarkan sesuatu permit, Pengarah Tanah dan Galian Negeri hendaklah memastikan bahawa pemindahan tersebut tidak menjaskan bekalan untuk kegunaan dalam negeri.

- 2.3. Pasir silika, pasir penapis dan pasir laut boleh dieksport dari Negeri Kelantan ke Luar Negara di mana setiap permohonan dikenakan syarat-syarat atau sekatan-sekatan tertentu sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Pihak Berkuasa Negeri, setelah pengusaha-pengusaha terbabit mematuhi segala keperluan yang diperuntukan dalam mana-mana undang-undang dan peraturan bertulis yang dikuatkuasakan oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berkaitan.
  - 2.4. Sekatan dalam para 2.1. adalah dikecualikan ke atas Agensi-Agenzi Kerajaan dalam masa tiga (3) tahun sementara menunggu kilang-kilang berkenaan di dalam negeri siap dibina dan dapat beroperasi sewajarnya.
3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 5/97 adalah dengan ini dibatalkan.

**t.t**

**(Md. Yusof Bin Noh)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN.

**KEPADÀ:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576 KOTA BHARU.  
FAIL : PTG.KN.4485/(103)  
BERTARIKH : 23 MUHARRAM, 1420H.  
09 MEI, 1999.**